



**TIADA
PERGERAKAN**

penanglawancovid19 | t.me/penanglawancovid19 | penanglawancovid19.com



**TIADA
JANGKITAN**



FEBRUARI 16 - 28, 2021



PENANG
2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Pelan kontingensi berhasil berhemah gunakan air

29 Ogos 2020

20 Januari 2021

PARAS air Empangan Teluk Bahang.

TINDAKAN proaktif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam melaksanakan beberapa pelan kontingensi bagi mengatasi paras air Empangan Teluk Bahang yang berada pada tahap kritis tahun lalu kini mencapai objektifnya.

Pada 20 Januari 2020, paras Empangan Teluk Bahang adalah berada pada 41.8 peratus tahap kapasitinya dan menerusi beberapa pelan kontingensi yang dijalankan, tahap kapasiti empangan berkaitan mencatatkan 60.7 peratus pada 20 Januari lalu (2021).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa yang ditemui ternyata bersyukur atas perkembangan tersebut memandangkan beliau hanya menyasarkan paras empangan berada pada kadar 45 peratus menjelang penghujung tahun lalu.

Menurut beliau, beberapa pelan kontingensi yang



IR. Jaseni Maidinsa.

dirancang PBAPP ternyata membuatkan hasil malah membolehkan Empangan Teluk Bahang kini mempunyai rizab margin air yang lebih untuk simpanan pada musim kemarau kelak.

“Kapasiti air yang dicatatkan hari ini (60.7 peratus) berada pada tahap amat memuaskan jika dibandingkan pada tarikh sama tahun lalu yang mana tahun ini kita mulakan dengan rizab margin air yang lebih tinggi.

“Dengan peratusan tersebut, Empangan Teluk Bahang mampu membekalkan air selama 185 hari bersamaan enam bulan kepada lebih 30,000 pengguna di sekitar Teluk Bahang, Tanjung Bunga dan Batu Ferringhi,” ujarnya ketika ditemu ramah wartawan Buletin Mutiara, NOR SHAHIDA YUSOFF dan jurugambar, DARWINA MOHD. DAUD pada 20 Januari lalu.

Bercerita lanjut berhubung pelan kontingensi yang dilakukan,

Jaseni memaklumkan bahawa PBAPP segera mencari alternatif penyelesaian dengan melaksanakan tindakan proaktif pengalihan air mentah dari kawasan tadahan Sungai Pinang, Balik Pulau berhampiran air terjun Titi Kerawang pada September 2020 dan kawasan tadahan Batu Ferringhi (Oktober 2020) ke Empangan Teluk Bahang ketika musim hujan.

“Tahun lalu adalah tempoh paling kritis, seluruh warga PBAPP bertungkus-lumus memastikan tiada catuan air dilaksanakan di negeri ini walaupun paras air di empangan tersebut berada pada paras kritis.

“Kita kena bertahan... bertitik tolak daripada situ, kami (PBAPP) mencari alternatif supaya sumber air yang ada dapat bertahan sekurang-kurangnya sehingga musim hujan.

“Tuntas bermula awal tahun lagi pihak PBAPP telah mula mengeluarkan kenyataan media sekiranya mungkin bagi memaklumkan paras empangan terkini kepada pengguna, selain mendapatkan kerjasama para Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk menguar-uarkan kepada orang ramai supaya menggunakan air dengan berhemah.

“Selain itu, dengan kekuatan utiliti sedia

ada di kawasan tadahan Sungai Pinang dan Batu Ferringhi, kita (PBAPP) alihkan lebihan air ketika musim hujan ke tadahan Empangan Teluk Bahang semula, dengan harapan dua tadahan tersebut termasuk kawasan tadahan Teluk Bahang sedia ada mampu meningkatkan kapasiti empangan berkenaan.

“Empangan (Teluk Bahang) ini besar, untuk penuh sepenuhnya memerlukan hujan yang banyak iaitu selama enam bulan setiap hari, itu adalah mustahil... justeru sebagai pelan tambahan PBAPP telah mencadangkan pembentahan awan kepada Kerajaan Negeri.

“Alhamdulillah dengan peruntukan kira-kira RM450,000 oleh pihak Kerajaan Negeri, sebanyak 15 pembentahan awan telah dilakukan dan hasil daripada semua pelan kontingensi yang telah dilaksanakan tersebut, kini Empangan Teluk Bahang berada pada kapasiti amat memuaskan,” jelasnya teruja.

Pada tarikh sama, dua empangan utama lain iaitu Empangan Air Itam berada pada paras 96.8 peratus lebih tinggi berbanding tarikh sama tahun lalu sebanyak 60.4 peratus dan Empangan Mengkuang (94.2 peratus) berbanding tarikh sama 73.6 peratus.

(Sambungan di muka 15).

Jalinan kerjasama strategik ramuan kejayaan perangi COVID-19

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

KERJASAMA strategik serta bersepada yang dijalankan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan antara ramuan kejayaan dalam memerangi penularan.

Perkara itu dikongsi oleh Pengarah Keselamatan Negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pulau Pinang, **NAZRUL FAZAMI MOHAMAD** bersama-sama Skuad Buletin Mutiara baru-baru ini.

Menurut Nazrul Fazami, kerjasama strategik tersebut tidak hanya terbatas pada peringkat Pusat dan negeri sahaja, sebaliknya, Kerajaan Tempatan membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengurusan peringkat daerah turut memainkan peranan masing-masing dalam memastikan dinamika kejayaan memerangi COVID-19.

Peranan dan gerak kerja semasa COVID-19

Diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, MKN dilihat memainkan peranan yang signifikan terutama dalam mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pengurusan COVID-19.

"Pada peringkat awal, agensi fokal dalam pengurusan COVID-19 adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang kemudiannya bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

"Namun setelah penularan pandemik ini menjadi isu global serta melibatkan jangkitan ramai... maka ia merupakan suatu ancaman terhadap keselamatan negara dan daripada situ semua agensi digerakkan termasuk MKN yang menjadi sekretariat pada peringkat pusat, negeri serta daerah," ujarnya yang telah 18 tahun berkhidmat bersama-sama MKN.



NAZRUL FAZAMI MOHAMAD.

Kerajaan Tempatan di negeri ini... dan ini adalah ramuan kejayaan yang terbaik dalam menghadapi COVID-19," jelasnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua barisan hadapan yang tidak pernah kenal erti lelah sehingga kini.

Perancangan tahun 2021 dan cabaran

Apabila ditanya mengenai perancangan tahun 2021, Nazrul Fazami memaklumkan bahawa pihaknya telah mencadangkan empat strategi utama yang bakal menjadi titik fokal tahun 2021.

"Pertama tumpuan gerak kerja haruslah difokuskan kepada lokaliti, kawasan mukim atau daerah yang terkesan (*hotspot*) secara 'micromanage' (*mikrourus*).

"Keduanya, penyelarasan gerak kerja di semua peringkat termasuk di peringkat daerah dan PBT.

membendung penularan COVID-19.

"(Dan) ini adalah antara mekanisme yang diguna pakai dalam menghadapi gelombang ketiga COVID-19 di Pulau Pinang selain memerlukan komitmen yang tinggi semua pihak.

"Alhamdulillah, saya melihat gerak kerja semua jawatankuasa yang ada berjalan baik dan Ketua Menteri juga begitu komited dalam memastikan keselamatan dan kesihatan awam terjamin," zahirnya.

Mengulas mengenai peranan yang dimainkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP), Nazrul Fazami menzahirkan penghargaan terhadap kedua-dua PBT.

"Kedua-dua Datuk Bandar begitu berkaliber dan berkepimpinan yang mana mereka berupaya mengerakkan jentera-jentera untuk melaksanakan sanitasi di tempat-tempat awam seliaan, melaksanakan pemantauan SOP di pasar-pasar awam, gerai-gerai makanan berlesen, malah, menyalurkan informasi melalui pelbagai medium penyampaian maklumat yang ada.

"MKN tidak mampu bergerak sendiri tanpa kerjasama daripada PBT, dan ini sangat membantu terutamanya Polis Diraja

Malaysia (PDRM) dari segi pematuhan SOP, membantu Pegawai Daerah dalam merangka strategi serta membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi sanitasi awam.

"Saya amat menghargai komitmen yang ditonjolkan oleh kedua-dua PBT terlibat terutama petugas-petugas serta penguat kuasa di lapangan.

"(Dan) inilah contoh suatu kerangka gerak kerja bersepada yang melibatkan agensi-agensi pada peringkat Persekutuan, negeri, daerah serta



PASUKAN MKN Negeri Pulau Pinang.

"Ketiga, penguatkuasaan dan pemeriksaan SOP dijalankan secara bersepada, terselaras serta berterusan yang mana bukan hanya semata-mata melibatkan kompaun sebaliknya lebih kepada khidmat nasihat umum.

"Keempat adalah penyampaian maklumat sah melalui saluran media yang ada perlu dipertingkatkan. Hal ini (demikian) kerana selain berhadapan dengan virus COVID-19 kita juga perlu menghadapi berita-berita viral yang tidak tepat kandungannya," ulasnya.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi antara cabaran-cabaran getir yang perlu dihadapi dalam menguruskan COVID-19 adalah dalam mengubah sikap dan tingkah laku masyarakat.

"Antaranya mengubah tingkah laku lama kepada normal baharu yang mana tingkah laku baharu perlu dibentuk agar selari dengan peraturan serta arahan kerajaan.

"Keduanya, pada aspek penguatkuasaan yang mana ada pihak telah salah tafsir arahan yang diberikan sehingga memberi imej yang buruk kepada penguat kuasa. Walhal, ia (arahan) merupakan langkah kawalan yang harus diikuti.

"(Dan) yang ketiganya, harapan rakyat terhadap barisan hadapan adalah sangat tinggi dalam memutuskan rantaian penularan sehingga memberikan tekanan bukan sahaja kepada KKM atau Jabatan Kesihatan Negeri tetapi juga kepada MKN," katanya yang berikrar untuk memberikan khidmat terbaik dalam memerangi COVID-19.

Turut menjadi cabaran, tambah beliau, adalah komitmen daripada setiap agensi terlibat yang mana setiap entiti mempunyai polisi yang berbeza sehingga memerlukan penelitian dalam berkomunikasi serta penyampaian sesuatu arahan pada semua peringkat pentadbiran dan pengurusan.

Pemerkasaan komuniti

Jika dilihat sebelum ini, kata Nazrul Fazami, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 termasuk pelaksanaan SOP.

Kini, menurut beliau, tiba masanya untuk komuniti memainkan perannannya serta tampil untuk menjadi sukarelawan dalam membantu menangani gelombang ketiga COVID-19.

"Inisiatif (sukarelawan) ini boleh dilaksanakan pada peringkat daerah dan kini dalam perancangan di semua daerah.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua untuk menghubungi Pejabat Daerah masing-masing dan menjadi sukarelawan bagi membantu Kerajaan Negeri khasnya dalam memutuskan rantaian penularan serta memperkasakan kemp正常 baharu dalam kalangan komuniti lokal," serunya.

Sambutan Jubli Emas

Menurut Nazrul Fazami, sejarah penubuhan MKN bermula selepas insiden berdarah pada 13 Mei 1969 yang mana Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah mengisyiharkan darurat pada 15 Mei 1969. Susulan itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bagi mengukuhkan keselamatan awam, pertahanan negara dan memeliha ketenteraman awam.

"MAGERAN kemudiannya dibubarkan dan MKN ditubuhkan pada 31 Julai 1971 bagi menyelaraskan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara dan arahan-arahan keselamatan.

"Sejak penubuhan, sebanyak 24 Arahan MKN dikeluarkan dan ia bersifat eksklusif bagi menangani isu-isu ancaman keselamatan semasa antaranya pendatang asing tanpa izin, ketenteraman awam serta pengurusan krisis siber negara.

"Hal ini termasuklah pandemik COVID-19 yang merupakan satu ancaman terhadap keselamatan negara.

"(Dan) suka saya kongsikan bahawa tahun 2021 ini, MKN bakal meraikan sambutan ulang tahun ke-50 penubuhannya," katanya yang turut berkongsi mengenai cabaran keselamatan pada masa kini yang membabitkan isu-isu keselamatan rentas sempadan.

"Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama".



Pakej Bantuan Rakyat 3.0 diumum

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lima kumpulan sasaran pertama bagi menerima bantuan tunai secara ‘one-off’ melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melalui kenyataan media pada 21 Januari lalu mengumumkan bahawa lima kumpulan sasaran pertama ini akan menerima manfaat peruntukan berjumlah RM10,879,100 daripada RM20 juta yang diluluskan baru-baru ini.

“Sukacita diumumkan bahawa sebanyak RM10 juta akan diagihkan kepada lima kumpulan sasaran pertama bagi melancarkan aliran tunai serta mengurangkan impak dan kos operasi yang terpaksa ditanggung dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini,” ujarnya.

Terdahulu, pada 14 Januari 2021, Kon Yeow mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan pakej kewangan RM20 juta bagi memberi keleagaan kepada kumpulan sasaran yang terjejas akibat pelaksanaan semula PKP.

Difahamkan, Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 adalah tambahan kepada RM155.5 juta yang diperuntukkan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0, 2.0 dan 2.1 tahun lalu.

Perincian pakej bantuan adalah seperti berikut:

PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG 3.0		
RM500 	RM500 	RM500
Peniaga & Penjaja Berlesen / Berganting	Penggerai Kompleks Makanan & Shoplot	Peniaga Pasar Tani
RM200 	RM500 	RM500
Penarik Beca	Pengusaha Kantin Sekolah	Kedai Gunting Rambut & Salun
RM500 	RM500 	RM30,000
Salun Kecantikan & Spa	Pusat Refleksologi & Bekam	Peruntukan Khas Kepada Wakil Rakyat Untuk Bantu Rakyat

APA KATA MEREKA:

PAKEJ Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 berjumlah RM20 juta yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri baru-baru disambut baik oleh kebanyakan sektor yang terlibat.



NORIZA Ibrahim.

Pengusaha Anggerik Spa dekat pasar raya Giant, **NORIZA IBRAHIM** berkata sungguhpun nilai tersebut jauh hendak dibandingkan dengan jumlah kerugian, namun ia adalah satu inisiatif yang baik oleh Kerajaan Negeri.

“Mungkin ada yang nampak nilai ini kecil, namun ia membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif dalam membantu pengusaha spa kecantikan yang terkesan,” ujarnya ringkas ketika ditemu bual Buletin Mutiara baru-baru ini.



JOHARI Saad.

RM500 sedikit sebanyak mengubat duka yang masih terasa kesan daripada pandemik COVID-19 tahun lepas.

“Sekarang ini pun anda boleh lihat cuma sebahagian pelajar yang datang sekolah sebab nak ambil periksa, jadi perniagaan jatuh dengan teruk sekali.

“Bantuan semacam ini bolehlah ringankan sikit beban kami terutamanya golongan B40 ini,” ujarnya yang berniaga di kantin Sekolah Menengah Kebangsaan St. Xavier.



masalah di peringkat tertentu, kalau boleh bagilah juga kepada mereka.

“Apa pun pakej ini dapatlah juga membantu, walaupun kami (pengusaha gunting rambut) 100 peratus tidak boleh beroperasi pada peringkat permulaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” jelasnya.



ONG Sui Huat.

Pengayuh beca, **ONG SUI HUAT** berterima kasih dengan pakej bantuan tersebut namun berharap dapat dipertimbangkan kepada RM500.

“Kami cuma terima RM200, saya harap Kerajaan Negeri dapat pertimbangkan jumlah RM500 sama seperti sektor lain kerana kami pun terjejas dengan teruk,” katanya.

Penjaja makanan di Gerai Kakak Bising, Bayan Baru, **SHAHRUMAIDA KAMIS**, menyambut baik pakej diumumkan Ketua Menteri yang mana ia membuktikan Kerajaan Negeri cakna dengan nasib penjaja.

“Jadilah dapat RM500 pun, ia tetap membantu saya untuk buat pusingan modal, kerana meniaga dalam PKP 2.0 ini pun hanya balik modal sahaja, menurun 50 peratus, lebih teruk terjejas peniaga pasar malam terus tak boleh buka,” maklum beliau.

Bagi pengusaha kedai gunting rambut, **MOHD. AIDIL FITRI IBRAHIM**, bantuan seeloknya diperluaskan juga kepada peniaga yang tidak mempunyai lesen namun pernah memohon sebelum ini.

“Ada di antara mereka sudah lama berniaga, bukan mereka tidak mau mohon namun mungkin ada masalah-

APA KATA ADUN:

SKUAD Buletin Mutiara juga sempat menemu ramah beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mendapatkan respons mereka berhubung Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0 antaranya ADUN Teluk Air Tawar,

DATO' MUSTAFA KAMAL AHMAD.

Beliau ketika dihubungi menzhirikan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu golongan paling terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

“Pihak kami kini sedang mengenal pasti kumpulan sasaran melalui bantuan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk membolehkan bantuan disampaikan hanya kepada golongan yang benar-benar layak.

“Kita hargai bantuan segera disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu golongan paling terkesan akibat pelaksanaan PKP.

“Di peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), kita akan memainkan peranan untuk mengesan pihak-pihak yang paling terjejas akibat pelaksanaan PKP dan jenis bantuan yang mereka perlukan.

“Bentuk bantuan yang akan kita berikan adalah bergantung kepada keperluan semasa mereka sama ada kewangan, peralatan pembelajaran atau bekalan makanan.

“Seperti semua sedia maklum, ketika ini pelajar-pelajar perlu mengikuti pelajaran secara dalam talian di rumah, jadi mungkin ada di antara penerima memerlukan kelengkapan pembelajaran anak-anak berbanding bantuan lain-lain,” ujarnya.

Bagi ADUN Jawi, **JASON H'NG MOOI LYE** peruntukan yang bakal diterima akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu barang keperluan serta peralatan untuk membantu pembelajaran serta pengajaran di rumah.

“Barang keperluan akan diedarkan kepada keluarga yang terjejas manakala sebahagian lagi akan digunakan bagi membeli peranti elektronik untuk membantu pelajar memerlukan belajar secara maya.

“Ini kerana, saya menerima banyak rayuan daripada ibu bapa mengenai keadaan mereka yang tidak mampu membekalkan peranti elektronik kepada anak-anak mereka untuk sesi pembelajaran secara dalam talian.

“Walaupun Kerajaan Negeri sudah mempunyai program seperti ini, namun saya juga ingin turut membantu mempercepatkan dan meningkatkan lagi jumlah penerima,” jelasnya.



M. Satees.



MUSTAFA Kamal Ahmad.



JASON H'ng Mooi Lye.

ADUN Bagan Dalam, **M. SATEES** pula memberitahu bahawa beliau akan memberikan tumpuan kepada golongan terpinggir seperti peniaga tidak berlesen serta pencuci pinggan mangkuk di restoran-restoran sekitar Bagan Dalam.

“Apabila bantuan sebegini diberikan kepada peniaga yang tidak mempunyai lesen, ia akan mendorong mereka untuk mendaftar perniagaan atau mendapat lesen daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP),” ulasnya.



Tekad kembali tabur kepakaran

SERAMAI 585 pelajar menerima manfaat hasil inisiatif biasiswa pendidikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu *Penang Future Foundation* (PFF) sejak dilancarkan pada 2015.

Tahun lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyempurnakan penyampaian biasiswa kepada 74 pelajar cemerlang yang layak dengan peruntukan RM3.4 juta.

Mereka terdiri daripada latar belakang pendidikan berbeza iaitu sijil matrikulasi seramai 23 pelajar layak, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, STPM (20), diploma (20), program asasi (10) dan A-Level (1).



MUHAMMAD Naqib Tasdiq Ahmad Adli.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, **MUHAMMAD NAQIB TASDIQ AHMAD ADLI**, 20, memberitahu bahawa biasiswa PFF yang diterima membantu meringankan beban kewangan keluarganya untuk menampung yuran pengajian di universiti.

Menyambung pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang kejuruteraan mekanikal (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal), beliau

berharap agar dapat menyumbang tenaga kepada pembangunan industri lebih pesat di Batu Kawan apabila menamatkan pengajian kelak.

“Biasiswa ini sangat membantu dalam meringankan beban saya dan keluarga khususnya dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 ini,” katanya yang bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera mekanikal.

Seorang lagi penerima, **OOI KEAN HONG**, 21, pula meluahkan rasa syukur kerana terpilih sebagai salah seorang penerima biasiswa PFF untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengkomputeran dekat *INTI International College Penang*.

“Saya mahu menyumbang kemahiran dan pengetahuan yang ada bagi membantu Kerajaan Negeri merealisasikan visi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri tanpa tunai pada masa akan datang,” katanya yang dijangka menamatkan pengajian pada tahun 2023.

Dalam pada itu, **S. HANU SHREE**, 22, berkata bahawa biasiswa PFF meluaskan peluangnya untuk menjadi seorang penganalisis data selepas menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer tahun depan.

Katanya, ‘Big Data’ memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan perniagaan terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) kini.

“Saya mahu menyumbang semula untuk negeri Pulau Pinang selepas menamatkan pengajian nanti. Saya berharap agar dapat memaksimumkan potensi melalui penggunaan data yang ada serta mewujudkan persekitaran lebih



S. Hanu Shree (tengah) menerima dokumen berkaitan daripada Ketua Menteri pada majlis penyampaian yang diadakan baru-baru ini.

cekap,” jelasnya yang memilih pengkhususan Analisis Data dekat *Asia Pacific University of Technology and Innovation* (APU).

Turut berkongsi pendapat, **VANESSA KOAY WEI LI**, 21, ketika dihubungi berkata bahawa impian untuk mendapatkan biasiswa PFF akhirnya menjadi kenyataan apabila beliau dipilih sebagai salah seorang penerima di bawah kategori *Mutiara Scholar*.



VANESSA Koay Wei Li.

“Impian saya akhirnya menjadi kenyataan. Selepas menerima berita baik ini, saya tahu segala usaha yang saya lakukan selama ini tidak sia-sia.

“Saya sangat bersyukur kerana terpilih sebagai salah seorang penerima dan berharap agar saya dapat mengembangkan lagi pembangunan industri berkaitan teknologi maklumat di negeri ini,” ujarnya yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Pembangunan Perisian) di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC).

Dipilih dalam kategori yang sama, **A. JOSHUA**, 20, berharap agar biasiswa PFF dapat menjadi pemangkin kepada cita-citanya untuk mewujudkan kemudahan penyelidikan berkaitan astronomi serta astrofizik di Pulau Pinang pada masa akan datang.

“Ramai orang mempunyai persepsi bahawa mereka yang lulus dalam bidang fizik sukar untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian kerana permintaan tenaga kerja dalam industri ini sangat rendah.

“Tetapi, saya mahu buktikan bahawa persepsi itu adalah tidak tepat dengan berusaha lebih gigih lagi,” ulasnya yang dijangka menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) pada tahun 2023.



A. Joshua.

Penggerak Pengguna Pulau Pinang babit semua KADUN

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

SERI DELIMA – Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menubuhkan Penggerak Pengguna Pulau Pinang bermula Mac 2021 bertujuan memantau kenaikan harga barang.

Menurut Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain, penubuhan tersebut merupakan penjenamaan semula Kumpulan Pemantau Pengguna KADUN yang pernah ditubuhkan pada tahun 2015 namun dibubarkan tiga tahun kemudian.

“Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selain dianggotai oleh individu yang berpengalaman dan minat dalam bidang kepenggunaan.”

“Malah, ia akan ditubuhkan di semua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Pulau Pinang,” ujarnya sejurus melakukan tinjauan harga barang dekat salah sebuah pasar raya di sini baru-baru ini.

bersama-sama KPDNHEP di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar.

Mengulas lanjut, Abdul Halim memaklumkan bahawa dalam mengekang kekurangan bekalan minyak masak sebagaimana didakwa sebelum ini, pihaknya telah mula mengeluarkan arahan agar peruncit mengehadkan jualan minyak (masak) dua hingga lima paket maksimum kepada individu.

“Buat masa sekarang, bekalan minyak masak di negeri ini masih mencukupi dan kita keluarkan arahan mengehadkan jualan minyak (masak) dua hingga lima paket maksimum kepada individu.

“Selain itu KPDNHEP juga meneliti di semua peringkat pengeluaran minyak sawit bagi memastikan peruncit tidak mengambil keuntungan berlebihan,” katanya.

ABDUL Halim Hussain (bertali leher) ketika melakukan tinjauan harga barang dekat salah sebuah pasar raya di sini baru-baru ini.





'Lebih Baik Cegah' tema Hari Antidadah Kebangsaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – 'Lebih Baik Cegah' dipilih sebagai tema Sambutan Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan (AADK) yang bakal disambut selama sebulan mulai 19 Februari 2021.

Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang, Elmariah Chung memberitahu bahawa tema tersebut membawa maksud signifikan terhadap usaha pihaknya untuk mencegah individu daripada terjebak dalam masalah penagihan dadah.

"Kita (AADK) menekankan konsep pencegahan yang mana kita hendak mencegah mereka yang belum terlibat dengan penagihan dadah bagi mengelakkan munculnya penagih-penagih baharu."

"Konsep ini juga memberi penekanan kepada usaha mencegah seseorang daripada terjebak semula dalam aktiviti penyalahgunaan dadah kerana kita percaya bahawa mencegah itu adalah lebih baik daripada merawat."

"Sempena sambutan ini juga, pelbagai aktiviti telah dirancang di peringkat negeri Pulau Pinang tetapi kita berdepan kekangan kerana penularan pandemik COVID-19 selain pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini."

"Justeru, kita akan meneliti semula agar sesuai dilaksanakan mengikut normal baharu," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di sini pada 21 Januari lalu.

Beliau berkata, walaupun statistik penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang menunjukkan penurunan iaitu daripada 9,084 orang pada 2018 kepada 8,987 orang (2019), namun ia masih memerlukan usaha jitu daripada pelbagai pihak.

"Berdasarkan keadaan semasa, sebanyak 1,497 operasi telah dijalankan di seluruh negeri Pulau Pinang sejak 2017 hingga 2020 dengan 7,245 orang telah ditahan kerana positif dadah dan daripada jumlah ini seramai 343 adalah wanita."

"Sebanyak 25 lokasi penagihan telah dikenal pasti dan kesemua kawasan ini telah diletakkan di dalam Kawasan Berisiko Tinggi (KBT)."

"Oleh itu, saya mengharapkan supaya semua pihak mengambil peranan serta tanggungjawab untuk menangani masalah dadah yang kini menjadi isu sejagat," serunya.

Tambah Elmariah, pada tahun 2021, AADK Pulau Pinang menyasarkan untuk menghijaukan dua kawasan berisiko tinggi iaitu Mukim 1 dekat Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) dan Mukim 21 di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kita juga mahu memperkasakan lagi penglibatan pemimpin melalui kemahuan politik serta pemerksaan komuniti dalam kalangan masyarakat setempat."

"Serentak itu, AADK juga melancarkan strategi perang saraf melalui kempen 'Pulau Pinang Lawan Ancaman Dadah' bagi menangani masalah berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah di negeri ini," ulasnya.



ELMARIAH Chung (tengah) bersama-sama pasukannya menunjukkan beberapa poster publisiti/kempen yang dijalankan AADK Negeri Pulau Pinang sejurus sesi wawancara di sini baru-baru ini.



TIADA PERGERAKAN TIADA JANGKITAN




f [penanglawancovid19](#)
t.me/ [penanglawancovid19](#)
penanglawancovid19.com



Pertandingan
Melukis Poster
Bertemakan:
'Mask kita'



HADIAH UTAMA
 Pertama: RM400
 Kedua: RM300
 Ketiga: RM200

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.

2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.

3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).

4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.

5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.

6. Setiap set penyertaan perlu mereka bentuk pelitup mulut bertemakan "Penang Lawan COVID-19" dengan logo serta hashtag #kitajagakita;

7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.

8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.

9. Semua karya adalah milik pengajur.

10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mac 2021.

Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No.Kad Pengenalan :
 Alamat :
 No. Telefon : (Rumah) (Bimbitt)
 Emel:
 Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

Pusat Kecemerlangan Pengakap manfaat semua

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

TELUK AIR TAWAR – Kem Bina Diri MSN dekat Pantai Robina di sini kini dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pengakap (PUSKEB) negeri yang baharu.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata demikian selepas menyaksikan acara menandatangani perjanjian penyerahan kuasa pengurusan kem tersebut oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang, Harry Chai Heng Hua kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Zulkafli Kamaruddin.

“Saya berharap Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang dapat terus maju lagi pada tahun 2021 dengan menguruskan kem ini untuk manfaat lebih 20,000 anggota pengakap di Pulau Pinang,” jelasnya yang juga Timbalan Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Zulkafli memberitahu bahawa *Coronation Camp* dekat Taman Botani

merupakan PUSKEB, sebelum diambil alih kembali oleh agensi negeri pada tahun 2006.

“Sejak 2006, kita memang tidak ada PUSKEB khusus untuk menjalankan aktiviti pertubuhan.

“Walaupun pengurusan Kem Bina Diri MSN di Pantai Robina ini telah diserahkan kepada Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang, kita senantiasa mengalu-alukan pertubuhan lain untuk datang menjalankan aktiviti di sini,” ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Lip Chee dan Heng Hua.

Difahamkan, Kem Bina Diri MSN dekat Pantai Robina sebelum ini pernah dijadikan tapak kem bina jati diri serta semangat para atlet negeri.

SOON Lip Chee (tengah) menyaksikan Harry Chai Heng Hua (kiri) dan Zulkafli Kamaruddin (kanan) saling bertukar dokumen perjanjian penyerahan kuasa pengurusan Kem Bina Diri MSN dekat Pantai Robina di sini baru-baru ini.



Jambatan Taman Dahlia siap dinaik taraf

BAGAN JERMAL – Projek penaiktarafan dan pelebaran jambatan Taman Dahlia di sini yang dimulakan pada Ogos 2019 telahpun siap sepenuhnya pada 8 September 2020.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng berkata bahawa projek yang menelan kos keseluruhan berjumlah RM262,666 itu merupakan sebahagian daripada komponen bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin.

“Bagaimanapun, dalam satu lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal bersama-sama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak kontraktor mendapati bahawa jambatan yang

dibina oleh JPS itu adalah terlalu sempit.

“Justeru, sebagai Ahli Parlimen Bagan...(saya) telah menyumbangkan peruntukan berjumlah RM168,000 untuk melaksanakan projek penaiktarafan ini manakala pihak JPS pula menanggung kos RM48,000,” ucapnya pada program perasmian jambatan berkaitan di sini 23 Disember 2020.

Hadir sama, Exco Kebajikan dan Alam Sekitar yang juga ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Ketua Seksyen (Pengangkutan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,

Dato' Lim Hock Seng serta barisan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Mengulas lanjut, Guan Eng memaklumkan bahawa bagi mengelakkan kerosakan di laluan tersebut, Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Jermal pula telah memperuntukkan RM28,500 bagi pemasangan lampu LED serta palang penghadang dengan had ketinggian 2.1 meter.

“Bagaimanapun, palang penghadang tersebut telah dilanggar oleh kenderaan pada Julai lalu, justeru, Pusat Khidmat KADUN Bagan Jermal memperuntukkan sebanyak RM18,166 lagi untuk pemasangan palang baharu,” ulasnya.

Tambah Guan Eng, pihak JPS juga telah menetapkan had maksimum bagi kenderaan yang dibenarkan melalui jambatan tersebut iaitu lima tan sahaja.

“Bagi mengelakkan jambatan ini rosak lagi, saya berharap pengguna jambatan dapat mematuhi had berat maksimum.

“Malah, saya juga menyeru penduduk setempat agar membuat laporan kepada Pusat Khidmat Parlimen Bagan dan Pusat Khidmat KADUN Bagan Jermal sekiranya mendapati pengguna yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan ini,” serunya.

Naik taraf dua lif dan CCTV demi manfaat penduduk

BAGAN JERMAL – Projek penaiktarafan dua lif serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dekat sekeliling bangunan rumah pangsa Taman Ampang Jajar dengan kos keseluruhan sebanyak RM185,200 diharap dapat meningkatkan lagi tahap keharmonian penduduk lokal di sini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal memberitahu bahawa daripada kos tersebut Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) beliau membiayai RM92,200, sementara baki RM93,000 lagi dibayai oleh Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng.

“Projek ini melibatkan kerja-kerja pertukaran panel operasi, panel kawalan, butang panggilan dan syaf lif.

“Projek ini telah siap kerja pada Jun 2020 dan dua lif telah berfungsi dalam keadaan baik,” jelasnya dalam Majlis Perasmian Projek Penarafan Dua Buah Lif Dan Pemasangan CCTV dekat Flat Ampang Jajar di sini pada 27 Disember 2020.

Menurut Lip Chee, pihaknya terus berbincang dengan pihak Guan Eng setelah menerima aduan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Ampang Jajar pada bulan Ogos tahun lepas.

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Parlimen berkaitan kerana meluangkan masa untuk menyempurnakan acara perasmian bersama-sama komuniti lokal.

Guan Eng yang berucap selepas itu antara lain sekali lagi merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya membekalkan tiap-tiap pelajar seunit komputer riba untuk tujuan pembelajaran secara dalam talian, memandangkan sesiapa pun tidak tahu bilakah pandemik COVID-19 akan berakhir.

Beliau yang juga bekas Menteri Kewangan memberitahu bahawa peruntukan Persekutuan kira-kira RM4 bilion sudah cukup untuk membiayai kos penyediaan komputer riba kepada 2.5 juta pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga kolej.

“Sekurang-kurang mesti ada alternatif...komputer tiba adalah suatu utiliti keperluan yang wajib untuk anak-anak kita belajar secara dalam talian,” serunya.

LALUAN jambatan Taman Dahlia yang telah siap.





Kukuhkan keyakinan, remajakan MICE

ASHWIN Gunasekaran.

KETUA Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melancarkan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PTMP) pada 12 September 2020 dengan mengambil kira realiti penularan wabak COVID-19 yang memaksa pintu masuk antarabangsa ke negeri ini masih ditutup.

Justeru, Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu meminta Exco Pelancongan & Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin serta agensi negeri, Biro Konvensyen & Pameran Pulau Pinang (PCEB) menerusi pelan induk tersebut memberi tumpuan kepada usaha-usaha agresif dalam membawa seramai mungkin pelancong domestik ke Pulau Pinang.

Buletin Mutiara berpeluang mewawancara Ketua Pegawai Eksekutif PCEB, **ASHWIN GUNASEKARAN** di pejabatnya pada 6 November 2020.

Masuk ke pejabat PCEB dekat bangunan warisan tersebut, kelihatan beberapa kakitangan sedang sibuk mengemas kini jadual acara semasa pada papan putih di satu sudut pejabat.

Menurut Ashwin, lazimnya jadual acara persidangan dan pameran baik peringkat antarabangsa ataupun domestik ke Pulau Pinang, disusun atur dua atau tiga tahun lebih awal.

Jadi, menurut beliau, pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan negara sejak bulan Disember 2019 adalah benar-benar di luar jangkaan semua.

“Sebagaimana saranan Ketua Menteri dan Exco, apa yang boleh dibuat mulai tahun 2021 adalah memastikan semua para pemegang taruh dalam industri pelancongan negeri ini untuk terus kekal bersama kita (Pulau Pinang) bagi tempoh tiga tahun ini iaitu sehingga 2023.

“Kita (PCEB) mengemas kini garis panduan penganjuran acara persidangan dan pameran di negeri ini berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan oleh Pihak Berkusa Negeri dan (Kerajaan Persekutuan).

“Paling penting, semasa negara masih belum bebas sepenuhnya daripada pandemik COVID-19 ini, keyakinan para pemegang taruh kita terhadap industri pelancongan, perhotelan dan mesyuarat, insentif, konvensyen serta pameran (MICE) di Pulau Pinang mesti terus diperkuuh.

“Paling penting juga adalah memperkuuhkan keyakinan semula semua pihak berdasarkan garis panduan yang kita buat, (aspek keyakinan) ini adalah elemen kuat yang ada pada negeri Pulau Pinang,” jelasnya kepada wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD** pada sesi berkenaan.

Demi mengukuhkan keyakinan rakan strategik PCEB pula, menurut Ashwin, baru-baru ini ditubuhkan satu badan bertindak khas bagi mengemas kini lagi garis panduan penganjuran acara persidangan dan pameran di negeri ini.

“Seramai 39 anggota daripada pelbagai latar belakang menganggotai badan bertindak ini yang mana mereka mewakili enam sektor utama berkaitan industri pelancongan negeri (iaitu) perhotelan, pusat persidangan, acara unik persendirian, penganjuran pameran serta persidangan, perniagaan dan ejen pelancongan serta pengangkutan pelancongan,” ujarnya.

Selain itu, beliau turut berkongsi cerita mengenai cabaran yang sedang didepani

oleh PCEB dalam meremajakan lagi kerencaman industri pelancongan semasa pandemik kini.

“Kalender acara persidangan dan pameran negeri pada tahun 2020 sendiri sepatutnya begitu padat, dengan 65 acara yang pelbagai telahpun diaturkan.

“Apabila berlakunya COVID-19, ada acara berjaya ditangguhkan sahaja (tanpa ditetapkan tarikh atau dibatalkan terus), ataupun diaturkan semula ke tahun 2021.

“Dengan pelbagai kekangan dan cabaran, tetapi terus disokong oleh Kerajaan Negeri, akhirnya kita (PCEB) dapat mengatur semula serta menangguhkan kira-kira 50 acara, sementara 15 lagi mogamoga tidak dibatalkan.

“Pada tahun 2021 juga, jadual penganjuran acara persidangan dan pameran ke negeri ini adalah agak padat, namun, kita (PCEB) tidak tahu lagi bagaimana (sama ada pandemik COVID-19 akan berakhir atau sebaliknya).

“Sama ada acara yang telahpun diaturkan dalam kalender PCEB bagi tahun 2021 ini turut ditangguhkan atau diubah ke model penganjuran yang baharu seperti persidangan secara maya dan lain-lain, kita (PCEB) sedang berusaha ke arah itu,” ulasnya.

Ashwin memberitahu bahawa 35 peratus acara yang telahpun disusun sebelum ini berjaya diubah kepada corak persidangan secara maya, sementara 45 peratus acara lain masih dalam proses susunan semula tarikh dalam kalender PCEB terbaru.

Sehingga kini, Ashwin menyatakan bahawa PCEB sedang giat melaksanakan tiga strategi untuk meremajakan lagi industri pelancongan negeri.

Pelan Strategik Pertama, beliau berkata Kerajaan Negeri melalui PCEB akan terus mempergiatkan kolaborasi dengan rakan negara strategik yang telah sedia ada iaitu dari Jepun, Republik Rakyat China, Thailand dan India.



“Semasa pandemik COVID-19 ini, kita (PCEB) tidak lagi saling bersaing dengan mana-mana pihak, sebaliknya saling kolaborasi sesama kita... dengan mengambil kira pintu masuk antarabangsa ke negara ini juga masih tidak dibuka (untuk pelancong asing).

Pelan Strategik Kedua, menurut Ashwin, PCEB cuba mempopularkan elemen pendigitalan yang sedang giat dilaksanakan di Pulau Pinang.

“Ketika ini, apabila penganjuran acara persidangan dan pameran secara fizikal begitu terbatas, kita (PCEB) harap Pulau Pinang ada prasarana serta kelengkapan untuk penganjuran acara secara maya, penggunaan elemen pendigitalan seperti telesidang dan sebagainya.

“Paling saya khawatir adalah capaian jalur lebar di hotel-hotel dekat negeri ini tidak seluas di negara-negara maju seperti Jepun, (Republik Rakyat) China jika penganjuran telesidang diadakan pada peringkat antarabangsa.

“Justeru, kita (PCEB) sangat mengharapkan usaha meningkatkan capaian jalur lebar di negeri ini oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dipercepat, kerana elemen pendigitalan sangat penting dalam meremajakan lagi industri pelancongan negeri.

“Selain aspek kelengkapan pendigitalan yang diperlukan dalam penganjuran acara, aspek kos juga adalah seperkara lagi yang diteliti oleh rakan-rakan strategik untuk meneruskan acara di negeri ini sekarang.

“Ramai anggap kos persidangan secara maya adalah lebih murah berbanding persidangan secara fizikal (kerana perwakilan tidak perlu berbelanja lebih untuk berkunjung ke Pulau Pinang), sebenarnya tidak sebegini,” jelas beliau sambil berharap pihak berkaitan menawarkan tajaan untuk kelangsungan penganjuran acara serta pameran maya di Pulau Pinang.

Pelan Strategik Ketiga dan terakhir, menurut Ahswin adalah PCEB menjadi ejen penganjuran acara bersama untuk menggalakkan rakan strategik domestik dalam kalangan institusi perbankan, firma insurans dan syarikat korporat memilih Pulau Pinang.

“Kalau acara melibatkan penyertaan 30 orang dan ke atas, kita (PCEB) akan menawarkan skim sokongan dan insentif seperti perkhidmatan pengangkutan serta pakej makanan, ia bergantung kepada corak penganjuran bersama acara.

“Tumpuan kita (PCEB) adalah pelancong domestik dalam kalangan institusi kewangan, perbankan, firma insurans dan mesyuarat ahli lembaga pengarah syarikat serta (AGM) mesyuarat agung tahunan badan-badan berkaitan.

“Kebanyakan rakan strategik kita adalah dari Lembah Klang, Pulau Pinang dipilih sebagai destinasi penganjuran kerana akses jalan darat yang mudah,” ulasnya.

Berdasarkan pelan strategik bagi tempoh tiga tahun sehingga 2023, Ashwin memberitahu bahawa PCEB yakin pelbagai cabaran yang melanda semasa ini akan menguatkan lagi daya tahan industri pelancongan negeri.

“Pilihan yang ada ketika ini sama ada penganjuran acara secara maya ataupun hibrid (iaitu gabungan penganjuran acara secara fizikal dan secara maya).

“Industri pelancongan secara realiti berkaitan bilangan pelancong ke negeri ini, penganjuran persidangan secara maya adalah pilihan sementara sahaja (semasa pandemik COVID-19).

“Industri pelancongan domestik, memang akan ada kekangan dan cabaran dari semasa ke semasa, tetapi saya yakin daya tahan industri yang sedang diremajakan ini akan terus kuat,” ulas beliau.

Tumbuhan dan alam semula jadi sebahagian kehidupan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

SEIRING dengan perkembangan semasa, landskap laman rumah juga berkembang mengikut inovasi semasa.

Jika dahulu, tanaman hijau bagi menghias kediaman hanya ditanam di atas tanah atau di dalam pasu sahaja tetapi kini dengan kreativiti, seni landskap diolah menjadi sebuah ‘taman mini’ unik di dalam balang kaca yang dikenali sebagai terarium.

Terarium ialah medium daripada kaca, plastik atau sebarang bekas lut sinar berisi tanaman. Ia turut dilihat sebagai seni mengatur tanaman dalam bentuk kecil atau mini.

Kini, tanaman di dalam balang semakin diminati dan mendapat perhatian di negara ini terutama untuk menghias ruang di dalam rumah yang agak kecil atau penyeri meja di pejabat.

Terletak di tengah-tengah bandar George Town, Moonshop Gallery menyediakan perkhidmatan kepada mereka yang berminat untuk menghasilkan terarium mengikut kreativiti masing-masing.

Cinta yang begitu mendalam terhadap tumbuh-tumbuhan dan alam semula jadi merupakan idea di sebalik pembukaan *Moonshop Gallery* oleh pemiliknya, **VIN CHEE**.

Beliau yang merupakan seorang arkitek landskap mula menterjemahkan ideanya pada tahun 2015 dengan mengetengahkan sebuah kafe galeri berkonsepkan terarium.

Menurut beliau, sambil menikmati secangkir kopi dan pelbagai menu lain di cafe tersebut, pengunjung juga berpeluang untuk cuba menghasilkan terarium melalui beberapa pakej menarik yang disediakan.


“Ini adalah cara dan pendekatan saya untuk menarik



VIN Chee.



KANAK-kanak juga boleh menyertai bengkel gubah terarium.



SALAH satu rupa bentuk terarium yang terdapat di *Moonshop Gallery*.



MEDIUM bahan-bahan asas yang diguna untuk menghasilkan terarium.



PENULIS yang turut berpeluang menyertai bengkel gubah terarium.

orang agar lebih dekat dengan alam semula jadi, di samping mempromosikan pemuliharaan alam.

“Dalam dunia yang bergerak pantas kini, orang ramai terlalu sibuk untuk membentuk kehidupan masing-masing agar seiring dengan trend kehidupan semasa, yang akhirnya menjurus kepada pengabaian alam serta tumbuh-tumbuhan.

“Menyedari hakikat itu, saya menceburkan diri di dalam bidang terarium ini dengan mengolah tumbuh-tumbuhan atau ‘taman mini’ di dalam balang kaca... ia kelihatan lebih menarik untuk menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat era urban ini,” ujarnya memulakan bicara.

Seperi landskap kediaman, terarium juga perlu diselenggara, dijaga dan disiram secara berkala bagi membolehkannya terus hidup subur serta berkembang.

“Ia hanya perlu disiram dua kali seminggu atau jika medium tanah tanaman mulai kering, tetapi tumbuhan yang berbeza memerlukan penyiraman dan penjagaan dalam frekuensi berbeza.

“Berlainan dengan *Humadifier Moon Forest* yang digubah khas menggunakan teknik *Artificial Intelligence* (AI), bagi terarium ini, kita tidak perlu risau berhubung penjagaannya kerana ia menggunakan teknik AI yang mana sensor dipasang untuk mengesan tahap air, cahaya dan sebagainya,” jelasnya berhubung perbezaan tatacara pengendalian terarium jenis terbuka serta tertutup agar tanaman sentiasa kelihatan segar dan indah.

Antara medium bahan yang digunakan untuk menghasilkan terarium adalah pasir khas, arang, lumut kering, batu-batu kecil, perhiasan serta pokok-pokok yang sesuai.

Tidak terbatas kepada kreativiti mengubah tanaman terarium sahaja, tetapi lebih daripada itu, Vin ingin mendidik masyarakat akan perlunya tumbuhan semula jadi dalam kehidupan era urban kini.

“Tumbuhan dan alam semula jadi adalah sebahagian daripada

kehidupan kita... kami cuba untuk mendidik masyarakat cintakan alam semula jadi melalui nilai-nilai estetika,” tambah beliau.

Sesuai untuk dicuba oleh segenap lapisan umur seawal usia tujuh tahun, selain individu dan keluarga *Moonshop Gallery* juga menawarkan perkhidmatan bengkel

untuk program pengukuhan pasukan serta kumpulan kecil.

Terletak di 8, Lebuh Farquhar, George Town, galeri ini dibuka setiap hari dari 11 pagi hingga 7 malam, pengunjung dinasihat untuk membuat temu janji terlebih dahulu jika ingin mengikuti bengkel penghasilan terarium.



Oleh : SUNARTI YUSOFF

SU penyalahgunaan dan penagihan dadah masih menjadi masalah utama di negara ini yang boleh mendaraskan impak negatif kepada kesihatan fizikal, mental serta tingkah laku seseorang.

Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak berwajib untuk menangani isu ini, namun sepanjang hari kes-kes berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah masih dilaporkan di media-media arus perdana.

Malah, menurut statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah penyalahgunaan dan penagihan dadah di negara ini menunjukkan peningkatan iaitu daripada 130,788 orang pada tahun 2018 kepada 142,199 laporan pada 2019.

Persoalan yang timbul adalah, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak berautoriti kurang berkesan atau mungkin wujudnya kelompongan bagi kalangan masyarakat dalam mendepani isu ini.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemubual Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, **ELMARIAH CHUNG** untuk memahami secara lebih mendalam mengenai usaha-usaha serta strategi dilaksanakan agensi berkaitan dalam menangani isu ini khususnya di Pulau Pinang.

Strategi

Memulakan bicara, Elmariah memberitahu bahawa pada tahun 2021, tumpuan pihaknya adalah lebih terarah kepada pelaksanaan langkah-langkah pencegahan sebagai usaha untuk mengurangkan wujudnya penagih dadah baharu.

Beliau berkata, fokus itu adalah selari dengan tema sambutan Hari Antidadah Kebangsaan yang dipilih pada tahun ini iaitu "Lebih Baik Cegah".

Tambah beliau, tema yang diangkat kali ini cukup signifikan dengan usaha-usaha yang telah dan bakal dilaksanakan oleh AADK dalam menangani masalah penyalahgunaan serta penagihan dadah di negara ini termasuk di Pulau Pinang.

"Kita akan menekankan konsep pencegahan bagi mengelakkan munculnya penagih-penagih dadah baharu selain mencegah mereka yang pernah terlibat dengan penagihan dadah kembali terjerumus dalam aktiviti ini."

"Di peringkat negeri Pulau Pinang, pelbagai aktiviti telah dirancang, cuma sekarang kita berdepan kekangan kerana penularan pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang berkuat kuasa."

"Jadi, pihak kami akan meneliti semula perancangan-perancangan ini agar sesuai untuk dilaksanakan dalam suasana normal baharu," ujarnya mesra ketika ditemui Buletin Mutiara dekat Bangunan Persekutuan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Elmariah menyatakan bahawa sebagai agensi yang dipertanggungjawab, AADK telah merangka tiga strategi utama untuk menangani masalah ancaman dadah iaitu pencegahan dan kesedaran awam diikuti dengan rawatan serta pemulihan serta langkah penguatkuasaan dan keselamatan.

"Bagi langkah pencegahan, kita sasarkan empat kumpulan utama iaitu pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), institusi kekeluargaan, pekerja dan majikan serta komuniti setempat."

"Ini adalah strategi yang digunakan yang mana kita akan mendekati kumpulan-kumpulan sasaran mengikut konsep pencegahan melalui pelaksanaan pelbagai program bersesuaian seperti kempen, ceramah serta pameran di sekolah-sekolah."



Fokus pencegahan, elak wujud penagih baharu

"Di peringkat sekolah rendah, kami ada program seperti 'Pintar', manakala bagi pelajar sekolah menengah yang berisiko pula kita laksanakan program 'Shields' dan di peringkat IPT juga kita ada program 'Tomorrow Leaders'."

"Malah, kita (AADK) juga turut memberi tumpuan kepada institusi kekeluargaan melalui program 'Family on Alert' yang menyasarkan keluarga berisiko tinggi terlibat dalam penyalahgunaan dan penagihan dadah," jelasnya lanjut.

Cabar

Elmariah memberitahu bahawa trend perubahan penagihan dadah daripada jenis konvensional seperti heroin dan ganja kepada dadah jenis sintetik (*Amphetamine Type Stimulus*, ATS) menjadi cabaran utama dihadapi pihaknya dalam usaha membanteras ancaman dadah di negara ini.

Tambah beliau, ia adalah berikutan penggunaan dadah jenis sintetik akan mendatangkan kesan lebih buruk kepada individu termasuk masalah keceluaran mental, sifat agresif dan akhirnya mendorong kepada perbuatanjenayah.

Jelas Elmariah, penggunaan dadah jenis ATS di negara ini semakin meningkat kerana ia sangat mudah untuk diproses selain senang didapat dengan harga lebih murah.

"Berdasarkan statistik AADK, pada 2019 misalnya menunjukkan pengambilan ATS seluruh negara adalah tertinggi iaitu sebanyak 64.5 peratus daripada sejumlah 142,199 penagih dadah yang dikenal pasti."

"Opiat dan ganja pula masing-masing pada kadar 30.6 dan 3.2 peratus manakala bakinya adalah dadah jenis pil spikotropik, cандu serta lain-lain," ulasnya.

Di Pulau Pinang sahaja katanya, sebanyak 44.6 peratus daripada 8,461 penyalahguna dan penagih dadah yang dikesan adalah dadah jenis ATS.

"Paling membimbangkan, golongan paling banyak yang terjebak dalam penyalahgunaan serta penagihan dadah adalah belia berumur antara 19 hingga 39 tahun."

"Pada 2018, seramai 54.5 peratus belia di negeri ini dikesan terlibat dalam penyalahgunaan dan penagihan dadah dan meningkat kepada 56.8 peratus pada tahun 2019," ulas beliau.

Komitmen tinggi Kerajaan Negeri

Bagaimanapun Elmariah menyatakan bahawa kes berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah di Pulau Pinang keseluruhannya menunjukkan penurunan iaitu daripada 9,084 orang pada 2018 kepada 8,897 orang (2019) dan berada pada kedudukan kesembilan.

Ulas beliau, kadar penurunan tersebut adalah didorong oleh kerjasama yang padu daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kempen "Penang Lawan Ancaman Dadah" sebagai agenda dalam memerangi ancaman dadah.

"Di Pulau Pinang, kita bernasib baik kerana Kerajaan Negeri menunjukkan komitmen yang baik dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti peruntukan kewangan, fasiliti, khidmat nasihat serta tenaga kerja."

"Antara penglibatan Kerajaan Negeri adalah sokongan dan komitmen tinggi Y.A.B. Ketua Menteri dalam pelaksanaan program antidadah di peringkat negeri dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM66,000 untuk program rintis."

"Di samping itu, Y.A.B. Ketua Menteri turut memberikan peruntukan bagi tujuan pemasangan papan tanda di tujuh kawasan berisiko tinggi di negeri ini selain beliau sendiri mempergerusikan Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) peringkat negeri."

"Selain itu adalah penglibatan berterusan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan terlibat dengan memberi sokongan sama ada dalam bentuk kewangan, menyediakan kemudahan serta sumber manusia dalam menjayakan program-program antidadah."

"Tidak lupa juga peranan Pegawai Daerah sebagai penggerak utama program antidadah di peringkat daerah," katanya.

Tegas Elmariah, segala usaha yang dirancang tidak akan mencapai hasil maksimum tanpa kerjasama dan sokongan daripada komuniti setempat.

Justeru, beliau menggesa komuniti agar lebih peka serta berani untuk tampil menyalurkan maklumat berkaitan isu-isu penyalahgunaan dan penagihan yang berlaku di kawasan masing-masing.

"Saya juga mengharapkan semua pihak mengambil peranan untuk bersama-sama pihak kerajaan serta AADK dalam menangani masalah dadah kerana masalah ini bukan hanya isu individu sebaliknya menjadi isu sejagat," serunya.

Bagi masyarakat yang ingin menyalurkan aduan boleh hubungi atau WhatsApp di nombor AADK, iaitu **019-6262233**.



PASUKAN mantap AADK Negeri Pulau Pinang.



16 - 28 FEBRUARI, 2021

BULETIN MUTIARA

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Data' Ir. Ahmad Zakiuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 305 4962
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiroleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungabakap20@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim r21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN Rosli Hasan	(T) 010 - 468 5990
N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-829 9511
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888		04-281 1108
			04-229 8555

TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!



penanglawancovid19


**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2021**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390 04 - 507 5390
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397 04 - 399 6689
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaimani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Harryzan Yaakub	019 - 456 8484
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhammad Suzuki Ahmad	0111 - 1119 4419
Ng Yee Siang	010 - 562 2698
Ngoh Cheng Hai	017 - 979 0933
Noor Azuawati Ahmad	018 - 965 4559
Norly Masitah Mohamed Noor	013 - 582 2503
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Boon Sheng	016 - 447 8320
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Tan Bee Hong	019 - 458 8321
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Teh Chuann Yien	010 - 441 7749
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Nirmala	Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah		017 - 572 0272
4.	K. Viknesh Prabu	Seberang Perai Selatan		012 - 693 4786
5.	R. Thivyashri Naidu	Pentadbir Bahagian Kewarganegaraan		No. Pejabat 04 - 650 5556

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2021**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed	013 - 431 9384
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Chee How	012 - 470 3389
Lee Kim Noor	04 - 229 8382
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Muhamad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Quah Boon Lim	017 - 462 2431
Rodziah Abul Khassim	019 - 319 4840
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layari Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12803 : LOGAPRIYA A/P PANDIAN - 94012107**** 9-8-5 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, AIR ITAM 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12854 : SURENDREN A/L CHANDRA SAGARAN - 93122307**** 3-34-3 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12898 : NABILAH HANIM BINTI MAHADZIR - 94121702**** 15 A JALAN HASSAN ABBAS, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12932 : NURUL FARINAH HASSANOL BINTI AHMAD - 94071707**** NO.9 JALAN IBBETSON, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SUJENDRAN A/L PANDIAN - 88121507**** 9-8-5 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, TAMAN TERUBONG JAYA 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: JIVERNESH A/L CHANDRASAGARAN - 88021507**** 3-34-3 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAHADZIR BIN AHMAD - 67040507**** 15 A, JALAN HASSAN ABBAS 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD FITRY HASSANOL BIN ZAKARIA - 83072607**** NO.9 JALAN IBBETSON, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 12939 : SHEIKH AIMAN FAIZ BIN SHEIK MOHD SAAID - 95081607**** 440-A SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 13010 : MUHAMMAD MU ADZ BIN MOHD SAUFEE - 89011407**** E-6-5 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN BARU 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 13021 : MUHAMMAD YAZID BIN ABDUL AZIZ - 88101707**** 1-8-7, FLAT MEDAN TENGKU 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 13040 : EDWIN RAJ A/L MANOGARAN - 92082008**** JABATAN PENDIDIKAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN, PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN 50604 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: SITI ILI AAINAA BT SHEIK MOHD SAAID - 91093007**** 440 A SUNGAI GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD UWAIAS BIN MOHD SAUFEE - 93070307**** E-6-5 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HARFA AYU BINTI ABDUL AZIZ - 89101307**** 1-8-7 FLAT MEDAN TENGKU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: YASOTHARAN A/L KUNUSEGARAN - 92112608**** NO.1490 LORONG RIA 6, TAMAN RIA, LUNAS 09400 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 13073 : MUHAMMAD FAZLISHA BIN SHAHARIZAN - 87092135**** SUNRISE VILLA 12, TINGKAT BAGAN BARU 18, TAMAN BAGAN BARU 18, 12000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 13074 : MUHAMAD SAIFUL BIN ZAKARIA - 98081907**** 9057 MERBAU KUDUNG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 13205 : MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MANSOR - 95060407**** 60 LORONG MAJU 2, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 13260 : CHONG JOO LI - 96120602**** 10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 16, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ISMA SHAERAH BINTI RAMLI - 95022107**** WELLESLEY RESIDENCE, BLOK A-10-5 JALAN HARBOUR PLACE 1, 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: AFLAH FATIMAH HUTASUHUT - 70031061**** 9057 MERBAU KUDUNG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MUHAMMAD HAZIM BIN UMAR - 95083007**** NO.33 JALAN INANG, TAMAN INANG, ALOR SETAR 06250 KEDAH	Penjamin 1	: CHONG POH TING - 86081735**** NO.10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 16, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 13271 : SITI NUR AFIERA BINTI ROSSEDI - 99103107**** NO.732 UNIT 2, KAMPUNG SEMATANG, KAMPUNG TELOK 14000 BUKIT MINYAK, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ROSSEDI BIN ABU BAKAR - 63061402**** NO.732 UNIT 2, KAMPUNG SEMATANG, KAMPUNG TELOK, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 13285 : NAIMAH BINTI NASAR - 88122307**** 157 C JALAN MAKLOOM, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD NASIR BIN MYDIN PILLAY - 88100307**** 157 C JALAN MAKLOOM, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG

PANGSAPURI M TREE HILL

Sg Batu, Pulau Pinang

Keluasan Binaan:
1361 kps ~ 2922 kps



Hakmilik Kekal • 5% Diskaun untuk Bumiputera

Pemaju:

M TREE HILL SDN BHD (951650-V)

PENANG WORLD CITY SALES GALLERY

Persiaran Bayan Indah

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: +604-659 6888

No. Lesen Pemaju: 13814-1/03-2021/01867(L) • Tempoh Sah: 12/03/2020 ~ 11/03/2021 • No. Permit Iklan & Jualan: 13814-1/03-2021/01867(P) • Tempoh Sah: 12/03/2020 ~ 11/03/2021 •

PBT Yang Berkenaan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Pelan Diluluskan: MPPP/OSC/PB(5174)/12(LB) • Jenis Pegangan: Tanah Hakmilik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: 36 Bulan Dari S&P •

Dipajakan Kepada: Affin Bank Berhad • Total Units: 67 units • Type A 14 Units • Harga Minima: RM 1,441,400.00 Harga Maksima: RM 1,506,400.00 • Type B 14 Units •

Harga Minima: RM 1,303,400.00 Harga Maksima: RM 1,345,400.00 • Type C 12 Units • Harga Minima: RM 1,297,700.00 Harga Maksima: RM 1,339,700.00 • Type D 14 Units •

Harga Minima: RM 1,406,000.00 Harga Maksima: RM 1,476,000.00 • Type E 2 Units • Harga Minima: RM 2,844,350.00 Harga Maksima: RM 2,864,350.00 • Type F 2 Units •

Harga Minima: RM 2,554,400 Harga Maksima: RM 2,570,400.00 • Type G 2 Units • Harga Minima: RM 2,543,000.00 Harga Maksima: RM 2,559,000.00 • Type H 2 Units •

Harga Minima: RM 2,795,900.00 Harga Maksima: RM 2,815,900.00 • Tarikh Permajuan Dijangka Siap: Ogos 2020.

Segera tuntut barang sitaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

BUKIT TAMBUN – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berharap pihak berkaitan supaya segera menuntut barang-barang rampasan atau sitaan daripada Jabatan Direktorat Penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Menurut beliau, stor sitaan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) ketika ini telah mencapai tahap kapasiti maksimum sehingga mendorong MBSP membuka stor sitaan baharu dekat Simpang Empat, Seberang Perai Selatan (SPS).

“Saya harap apabila kita membuka (Stor Sitaaan Barang Rampasan Taman Keruing) dekat SPS ia akan mengurangkan tekanan kapasiti maksimum di stor sitaan MBSP sedia ada di SPU dan SPT.

“Macam kita buat stor sitaan seluas 279 meter persegi di SPS, MBSP belanja RM1,344,348.97, tetapi tidak ada nilai tambah melainkan hanya menjadi tempat

SR. Rozali Mohamud (enam dari kiri) diiringi Goh Choon Aik (dua dari kiri) pada acara gimik perasmian pembukaan Stor Sitaaan MBSP Daerah SPS di sini baru-baru ini.



simpanan barang-barang rampasan serta sitaan.

“Tetapi, sekiranya di atas tapak ini dijadikan pusat kemahiran vokasional umpamanya, ia ada nilai tambah yang mana golongan daripada keluarga B40 berpeluang

belajar di sini (dan) aktiviti perniagaan akan membawa kitaran ekonomi juga di sini.

“Jadi, saya sangat berharap stor sitaan di SPS ini tidak ada lagi barang rampasan serta sitaan, boleh kita (MBSP) tukar guna menjadi

pusat kemahiran vokasional, dan untuk menjadikannya suatu kenyataan, ia memerlukan kerjasama pihak-pihak berkenaan untuk segera menuntut barang mereka (yang dirampas dan disita) di sini,” jelasnya pada sidang media

Naik taraf astaka demi gamit pengunjung juga peniaga

SERI DELIMA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid bakal mengemukakan cadangan untuk menaik taraf Astaka Jalan Akuarium Sungai Gelugor kepada pihak-pihak berkaitan dalam tempoh masa terdekat.

Menurut beliau, keadaan astaka yang kurang terurus sebelum diambil alih oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada awal 2020 dipercayai menjadi punca ia kurang dikunjungi dan permintaan daripada golongan penjaja untuk memenuhi lot-lot kosong ditawarkan juga adalah tidak mengalakkkan.

“Astaka ini pada zaman 80-an dan 90-an memang top kerana berada di jalan utama, jadi mungkin kerana faktor penyelenggaraan menjadikan ia kurang memuaskan kini.

“Antara perkara yang telah dibaki pulih sejak 2018 adalah bumbung, mencantas pokok, permukaan lantai, menambah lampu, naik taraf sinki, perparitan, bina depo sampah dan lain-lain untuk menggamit semula pengunjung.

“Bagi tahun 2021, antara yang bakal dibuat adalah tambah kanopi lutsinar dan dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kita akan beri ruang kepada pemuzik jalanan untuk *busking* di lokasi ini pada setiap hari Sabtu serta Ahad,” ujarnya ketika menyempurnakan penyerahan 400 unit kerusi dan 100 unit meja makan kepada penjaja Astaka Jalan Akuarium di sini 23 Disember 2020.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Tan Soo Siang dan Quah Boon Lim serta Pengurus Majlis Pengrusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Akuarium, Amir Rudin Abdul Rahman.

Tambah Syerleena, sumbangan oleh MBPP tersebut juga merupakan sebahagian daripada perancangan bagi menambah baik keadaan di astaka tersebut.

“Turut dicadangkan kepada Pejabat Daerah Timur Laut adalah untuk menggunakan tanah lapang bersebelahan astaka sebagai lot parkir tambahan,” ulasnya.

SYERLEENA Abdul Rashid (empat dari kiri) bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP dan pihak-pihak berkaitan merakam gambar kenangan sejurus majlis penyerahan kelengkapan peralatan kepada penjaja Astaka Jalan Akuarium di sini baru-baru ini.



pada 12 Januari 2021.

Sebelum itu, Rozali menyempurnakan acara perasmian pembukaan Stor Sitaaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP, Jalan Keruing di sini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; barisan Ahli Majlis MBSP dan Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud.

Ketika berucap, Rozali memberitahu bahawa bagi tahun 2019, sejumlah 1,598 kes telah diadu dan sebanyak 219 buah kenderaan telah disita; berbanding tahun 2020 (1,088 kes, 199 buah).

Dalam tempoh sama tahun 2019 juga, MBSP turut menyita barang lain seperti kelengkapan penjajaan dengan rekod 206 kes, berbanding 2020 (763 kes sitaan).

Sehingga kini, Rozali memberitahu bahawa pentadbirannya membuat dwi langkah untuk menangani masalah lambakan barang sitaan, iaitu dengan cara lelongan.

“Mengikut undang-undang, kaedah lelongan ini juga hanya mengurangkan 18 peratus sahaja kapasiti di stor-stor sitaan MBSP,” tambahnya.

Kampung Permatang Nibong sebagai ‘Kampung Circular Economy’

SEBERANG JAYA – Penglibatan secara aktif Kampung Permatang Nibong dalam kegiatan pengumpulan barang kitar semula melayakkan kampung berkenaan diisytiharkan sebagai ‘Kampung Circular Economy’.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah dekat sini 27 Disember 2020.

“Kampung Permatang Nibong boleh menjadi contoh pelaksanaan ekonomi pusingan (*circular economy*) yang mana sisa-sisa buangan seperti kertas, plastik, kain, sisa makanan, minyak masak terpakai dan sisa pertanahan diubah menjadi aset yang menghasilkan pendapatan.

“Pada masa sama, inisiatif ini juga dapat memastikan kelestarian jangka panjang serta membantu dalam mengurangkan sampah-sarap serta sisa buangan daripada diantar ke tapak pelupusan.

“Malah, dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun kejiran, mengumpul barang buangan serta menghasilkan barang *upcycle* menunjukkan kesungguhan warga Kampung Permatang Nibong untuk mewujudkan komuniti sifar,” katanya.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmud; Pengurus Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad, Rosli Ishak; Pengurus Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad, Anas Mohd. Kassim serta ketua-ketua jabatan MBSP.

Dalam pada itu, Rozali memberitahu bahawa program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong yang memasuki tahun ketiga turut memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu ia adalah selaras dengan matlamat pengajuran pertandingan berkaitan yang bertujuan menggalakkan serta melahirkan sebuah komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar.

“Sejak pertandingan ini diadakan, MBSP menerima sambutan yang menggalakkan daripada warga Permatang Nibong.

“Pada tahun ini, sebanyak 48 penghuni telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang mana keadaan halaman rumah masing-masing menjadi bertambah ceria selain mereka dapat menikmati sayur-sayuran segar yang ditanam sendiri oleh penduduk kampung,” ujarnya.



Industri perhotelan kekal relevan, yakin mampu bangkit semula

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PENULARAN pandemik COVID-19 sejak awal Januari 2020 seolah-olah satu malapetaka yang melanda industri pelancongan negara.

Keadaan bertambah parah apabila kerajaan mengumumkan penutupan sempadan negara seiring dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 dan PKP 2.0 pada 13 Januari 2021 yang menyebabkan pendapatan daripada sektor pelancongan turut lebur.

Apa yang nyata, beberapa industri yang terkait dengan sektor pelancongan seperti perhotelan menjadi antara yang paling teruk terjejas akibat penularan pandemik berkenaan.

Situasi yang mencabar tersebut menyebabkan banyak hotel terpaksa gulung tikar, termasuk hotel mewah dan hotel-hotel ikonik yang menjadi mercu tanda untuk masarakat tempatan sejak berpuluhan tahun lamanya termasuk di Pulau Pinang.

Bagi hotel-hotel yang masih bertahan pula, mereka terpaksa menggali idea lebih kreatif atau mencipta pakej-pakej pelancongan menarik bagi meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing.

Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Cawangan Pulau Pinang, **RAJ KUMAR** berkata, adalah penting bagi industri perhotelan untuk kekal relevan walaupun berdepan perubahan landskap akibat penularan pandemik COVID-19.

“Sebagai peneraju industri perhotelan di Pulau Pinang, kami percaya bahawa kami boleh mengatasi masalah ini dan mampu bangkit semula dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat pada tahun 2021.

“Hotel-hotel di Pulau Pinang telah mengadakan perbincangan untuk melaksanakan rancangan proaktif masing-masing dalam usaha menarik pelanggan dengan meningkatkan mutu perkhidmatan kerana ia adalah perkara paling asas dalam industri perhotelan.

“Walaupun rancangan lengkap masih belum siap sepenuhnya tetapi kita akan mulakan dengan beberapa usaha seperti memperkenalkan pakej lengkap untuk dinikmati oleh para pelanggan.

“Apabila saya menyebut pakej lengkap, ini bermakna para pelanggan akan membayar pada harga tertentu untuk penginapan mereka termasuk tiket ke taman rekreasi, muzium serta lain-lain tempat menarik di negeri ini,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengurus Besar The Light Hotel turut memuji komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk menghidupkan semula industri pelancongan secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, Raj turut menggesa agar pemimpin-pemimpin industri berkaitan untuk terus mencari jalan serta kaedah bagi mempromosikan pelancongan domestik khususnya di bahagian Seberang Perai.

“Di Pulau Pinang, terdapat tiga kategori hotel iaitu hotel pantai, hotel bandar atau warisan serta hotel di Seberang Perai yang mana ia berbeza daripada segi penghuni serta harga bilik.

“Selain bahagian pulau yang sememangnya sudah terkenal di mata dunia, di kawasan Seberang Perai juga banyak tempat menarik boleh dikunjungi oleh para pelancong seperti Inap Desa Kampung Agung, Butterworth Art Walk dan lain-lain,” ujarnya.

Tambah Raj, dalam suasana normal baharu akibat penularan pandemik COVID-19, masyarakat lebih cenderung memilih percutian singkat tetapi mencari pengalaman berbeza.

“Justeru, adalah penting bagi para pemain industri utama untuk bersiap sedia menyediakan pengalaman percutian yang lebih eksklusif dan berskala kecil.

“Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, kami sedang menyusun rancangan untuk memulihkan semula industri perhotelan di negeri ini dan perkara itu akan diumumkan dalam masa terdekat,” tambahnya yang telah berkecimpung selama 33 tahun dalam industri hospitaliti (perhotelan).

Difahamkan, Raj juga telah bekerja di 11 buah hotel yang mana lima daripadanya adalah hotel antarabangsa manakala enam lagi adalah dimiliki oleh individu.

RAJ Kumar.

(Sambungan dari muka 1).

PBAPP pastikan bekalan air sentiasa mencukupi

Bagi Empangan Air Itam, kapasiti tersebut mampu bertahan selama tiga bulan atau bersamaan 94 hari, manakala Empangan Mengkuang 251 hari (lapan bulan).

Mengulas mengenai corak perubahan tersebut, Jaseni memaklumkan ia adalah disebabkan faktor perubahan cuaca dan taburan hujan yang telah berubah.

“Walaupun mampu menghela nafas lega dengan ketiga-tiganya berada paras memuaskan, namun pengguna perlu terus berhemah menggunakan air kerana sekarang memang musim hujan, tapi kita tidak tahu bila kemarau akan mula dan berlarutan berapa lama, justeru PBAPP sentiasa perlu bersiap-siaga disebabkan corak taburan hujan telah berubah,” maklumnya.

Disoal mengenai cabaran PBAPP ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac 2020 dan PKP 2.0 kini, Jaseni dalam nada seloroh berkata bahawa cabaran paling besar adalah taburan hujan.

“PBAPP bertanggungjawab untuk memastikan Pulau Pinang sentiasa mempunyai bekalan air dan tiada catuan dikenakan, baru kita (Pulau Pinang) boleh lawan COVID-19... kalau tiada air macam

mana kita nak cuci tangan, nak membersihkan kawasan sekitar seperti pasar dan lain-lain.

“Semasa pelaksanaan PKP, seperti juga tiap kali musim kemarau, kita (PBAPP) akan meminimumkan pelepasan air dari empangan supaya tidak berlebihan,” ulasnya sambil menyatakan bahawa tahun 2020 membawa cabaran getir buatnya ekoran semua empangan utama negeri ini berada pada paras paling kritikal dalam sejarah Pulau Pinang.

Sebagai rekod, Jaseni mula berkhidmat bersama-sama PBAPP pada tahun 1985 dan menerajui perbadanan berkenaan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2007, pelbagai kejayaan telah dilakar beliau sepanjang tempoh berkenaan.

Sebagai tambahan, bagi memastikan sumber air yang mampan kepada pengguna di bahagian pulau, Pulau Pinang, projek saluran paip berkembar dasar laut ketiga dari Butterworth ke kawasan pinggir laut Macallum sejauh 3.2 kilometer telah siap mengikut jadual pada November 2020.


Manakala, cadangan untuk menjadikan Sungai Perai sebagai sumber alternatif bekalan air mentah di Pulau Pinang masih pada peringkat kajian, dan PBAPP dijangka membentangkannya kepada Kerajaan Negeri pada suku pertama tahun 2020.



CATATAN paras air di tiga empangan utama pada 20 Januari 2021.



H英雄 英雄任务



Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No. My Kid/ Kad Pengenalan:
 Alamat:
 Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: (Bimbit) :
 No. Telefon : (Rumah)
 Emel:

Terma & Syarat Peraduan:
 1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Disember 2020 hingga 31 Mac 2021.**
 2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
 3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
 4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
 5. Hasil lukisan akan menjadi hak pengajar.
 6. Keputusan pengadil adalah mutlak.
 7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajar adalah tidak sah.
 8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
 9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
 Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang,